

## **Matematik Mengubah Hidup Saya**

**Khaizureen Binti Darwis**  
*Maktab Rendah Sains Mara Batu Pahat, Johor*

Apabila saya memuhasabahkan diri saya seorang diri, saya sering teringatkan kisah saya pada zaman silam saya, zaman sekolah rendah saya telah berjaya mengubah hidup saya serta-merta. Semuanya bermula dengan satu perkataan ajaib yang amat besar maknanya dalam hidup saya, iaitu ‘Matematik’. Matematiklah yang telah banyak mewarnai hidup saya.

Sewaktu saya sedang menimba ilmu sebagai seorang pelajar sekolah rendah, saya adalah seorang pelajar yang sangat pasif. Tiada sesiapa di sekolah yang memahami saya. Saya hanya dengan dunia saya sahaja. Saya merasakan diri saya amat kerdil jika dibandingkan dengan rakan-rakan yang lain. Apabila teman-teman sedang asyik bersuka-ria, saya pula hanya membisukan diri saya. Perkara ini jelas kelihatan kerana saat kawan-kawan bermain bersama-sama, berkejar-kejaran pada waktu rehat, saya pula hanya akan membantukan diri, melihat sahaja dari jauh. Jauh di sudut hati saya, saya juga ingin menyertai mereka namun saya malu dan takut. Teman sekelas saya yang duduk di sebelah saya, Cynthia yang sedang berkejaran bersama kawan-kawan yang lain menyedari kehadiran saya.

Dia menghampiri saya seraya berkata, “Ana, kamu tidak mahu bermain bersama kamikah? Marilah turut serta bersama kami. Jika kamu bersama kami, kamu perlulah mengejar kami terlebih dahulu. Siapa yang tertangkap nanti akan menggantikan posisi kamu untuk mengejar orang lain. Ayuh.”

Cynthia bersungguh-sungguh mengajak saya untuk menyertai mereka. Namun saya lantas berpaling langkah laju ke kelas. Saya sangat takut akan orang ramai. Saya tidak tahu bagaimana mahu berkomunikasi dengan orang lain yang berada di sekeliling saya. Cynthia tidak pernah putus asa untuk mengajak saya bermain bersama pada setiap hari.

Di dalam kelas pula, saya lebih banyak mendiamkan diri. Ketika kawan-kawan rancak bercerita, saya pula akan menjadi pendengar yang setia tanpa sebarang respons. Sedangkan kawan-kawan yang lain berebut-rebut untuk menyatakan pendapat masing-masing. Saya hanya menyepikan diri tanpa mencelah apa-apa.

Sebenarnya, saya juga ingin meluahkan kata-kata saya akan tetapi mulut ini berat sekali untuk berkata-kata. Saya sangat khuatir apa yang akan saya katakan tidak didengari orang. Tambahan pula, kawan-kawan yang lain semua mahu bercakap. Jadi, saya mengambil keputusan untuk sekadar mendengar cerita kawan-kawan sahaja.

Sewaktu guru mengajar di hadapan, saya umpama patung yang tidak bernyawa, memandang papan hitam sambil mendengar perkara yang diperkatakan oleh guru. Sementara itu, teman-teman becek melontarkan kata-kata dan pertanyaan mereka kepada guru ibarat bertih jagung yang panas. Saya hanya memerhati.

Saya rasa seronok melihat kawan-kawan saya yang ceria. Pernah suatu ketika, guru matematik saya memanggil saya untuk menjawap soalan pada papan hitam tetapi saya hanya berdiri di meja saya dengan muka yang amat pucat kerana saya sangat takut akan guru dan rakan-rakan. Akhirnya, guru hanya berkata, “Baiklah pelajar sekalian, cikgu mahu kamu semua membuat satu set nombor dari nombor satu hingga sepuluh dengan menggunakan kad manila. Pastikan ukuran yang

dibuat seragam serta menggunakan pen ‘marker’ . Jangan lupa untuk menghantar tugas kamu ini sebaik sahaja kamu pulang daripada bercuti pertengahan semester satu. Selamat bercuti semua.”

Apabila difikir-fikirkan semula, mungkin saya berkelakuan pasif kerana saya pernah menjadi anak tunggal sehingga saya berumur enam tahun. Sepanjang masa itu, saya tidak pernah bermain diluar. Saya hanya tinggal di dalam rumah bersama emak dan bermain sendirian. Hanya anak-anak patung dan barang permainan yang lain menjadi teman.

Saya mendapat adik pertama sewaktu saya berumur enam tahun dan mula mengenali dunia luar semasa saya berumur tujuh tahun. Rajasami, jiran saya yang juga merupakan rakan sekelas saya, sering mengajak saya untuk menyiapkan kerja-kerja sekolah bersama-sama. Begitu juga dengan tugasankad nombor tersebut.

Apabila cuti sekolah berakhir, saya pergi ke sekolah dengan wajah yang ceria sambil membawa kad-kad nombor yang telah saya siapkan. Saya mula menjadi aktif dengan menceritakan tentang kad-kad nombor saya kepada rakan-rakan sekelas yang lain. Kini, saya sudah mula sebat dengan suasana kelas Satu Kuning itu.

Malang seribu kali malang kegembiraan saya hancur berkecaci apabila hasil usaha saya menyiapkan kad nombor dipersiakan begitu sahaja kerana kad-kad nombor saya telah hilang! Saya dapat merasakan kejatuhan semangat saya pada masa itu bagai terhempas ke bumi. Suasana cemas menerpa saya kerana waktu rehat hampir selesai, kelas matematik bakal bermula.

Sewaktu kelas matematik, “Baiklah pelajar semua, sila keluarkan kad nombor kamu sekarang. Sesiapa yang gagal menyelesaikan tugasani ini berdiri di luar sekarang., “ arah cikgu Sham dengan tegas. Wajahku kian direnik peluh-peluh diingin yang menitik akibat ketakutan, saya memandang Cynthia untuk meluahkan rasa takut saya kepadanya.

Terkejut bukan kepalaang melihat kad nombor saya di tangan Cynthia, “Cynthia, boleh saya lihat kad kepunyaan awak?” saya meminta kebenaran. Cynthia membenarkan dengan rasa bangga. Saya terus membelek-belek salah satu kad nombor tersebut dan mendapati nama saya telah dipadam dan digantikan dengan namanya.

Apabila guru menghampiri meja saya untuk melihat tugasani kami, belum sempat cikgu meminta tugasani tersebut, saya terus menghamburkan ledakan tangisan kerana takut. “Cikgu, Cynthia ambil kad saya!” aduku kepada cikgu. Cynthia kembali merampus kad di tangan saya lalu membela diri. Ini kad saya, cikgu! Dia tipu.” Babak percaduhan terus berlalu. Rajasami turut sama membela saya dan kelas menjadi kucar-kacir. Cikgu yang buntu melihat kami terus meredakan keadaan. Cikgu lantas meninggalkan kelas tanpa berkata apa-apa. Kelas menjadi sepi seketika. Semua orang memandang saya dan Cynthia.

Waktu rehat yang selalunya menjadi waktu kegemaran saya kelihatan pudar. Saya hanya terperonyok di dalam kelas seorang diri dalam keadaan marah, sedih, takut bercampur-baur. Cynthia masuk menyapa saya. Namun, saya enggan mempedulikannya. Saya benar-benar marah dengan perkara yang telah dia lakukan.

Pulang ke rumah, saya mengadu perkara yang berlaku kepada emak saya. Saat itu, saya berasa amat lemah sekali dan kurang berkeyakinan. Saya menghadapi demam panas dan telah mengambil cuti selama dua hari. Hati saya meronta-ronta tidak mahu ke sekolah lagi.

Setelah bercuti selama dua hari, saya kembali ke sekolah seperti biasa. Di sekolah, Cynthia mendekati saya, “Ana, saya minta maaf dengan apa yang saya telah lakukan,” Cynthia meminta maaf atas kesalahannya sambil memulangkan kembali kad nombor kepunyaan saya. Saya hanya tersenyum dan mengangguk-angguk. Sejak kejadian tersebut, kami telah menjadi kawan baik.

Saya juga kembali ceria dan amat meminati subjek matematik. Kini saya mudah mempelajari subjek tersebut. Saya turut mendapat markah 100% dalam setiap ujian matematik yang diadakan semasa tahun satu. Namun begitu, markah saya mula menurun apabila saya berada di tahun dua. Saya sering mendapat markah dalam lingkungan 90% -99%.

Emak sangat marah melihat markah saya itu kerana apabila kertas ujian dikaji oleh emak, kesalahan yang berlaku adalah kerana kecuaian saya sendiri, "Ana, kamu tidak sepatutnya melakukan kecuaian seperti ini. Kamu harus memperbanyakkan lagi latihan agar kamu tidak lagi cuai!" tegas emak.

Seperti yang emak katakan, emak telah mengambil langkah yang amat drastik sekali dengan memaksa saya untuk membuat seratus soalan matematik pada setiap hari. Ada kalanya, saya menangis kerana latihan yang diberi tidak juga siap walhal jam telahpun menunjukkan angka dua belas malam. Apabila ujian berlalu, saya mendapat markah yang sama, masih dalam anggaran 90% - 99% dengan faktor yang sama iaitu kecuaian. Perkara ini semestinya menaikkan lagi kemarahan emak yang ingin melihat yang terbaik dari anaknya. Namun, sebaliknya yang berlaku di sekolah. Guru dan rakan-rakan sering memuji hasil kerja saya.

Saya amat disenangi di sekolah kerana saya berjaya mencapai markah yang tertinggi di dalam kelas setiap kali ujian matematik diadakan. Walaupun mungkin ada pelajar yang iri hati dan cemburu dengan kejayaan yang saya capai, namun saya benar-benar rasa dihargai di dalam kelas.

Semua ini telah membina rasa yakin dalam diri saya di dalam kelas. Saya sudah mula petah berbicara di dalam kelas dalam berbagai-bagai perkara. Saya bukan lagi seorang pelajar yang pasif. Saya sudah mula mengaktifkan diri saya dalam banyak perkara terutamanya dalam alam persahabatan. Kini saya mampu berkomunikasi dengan baik bersama semua orang.

Rezeki menyebelahi saya, semasa melangkah ke tahap dua, saya telah ditempatkan dalam kelas pertama, Empat Harapan. Sebagai anak kepada kepada seorang buruh, kesempitan wang merupakan satu perkara yang amat biasa dialami. Malah, sejak berada di tahun satu lagi abah sering menangguhkan tempoh membayar yuran pendaftaran sekolah.

Jika dilihat, kebanyakan pelajar di dalam kelas Empat Harapan, datang daripada keluarga yang berada. Sememangnya, salah satu punca kejayaan mereka sehingga berjaya menduduki kelas pertama ini ialah kemampuan ibu bapa mereka dalam membayai kelas tambahan yang juga dikenali sebagai tuisyen.

Di dalam kelas, hanya saya seorang sahaja yang gagal menjelaskan yuran pendaftaran tepat pada waktunya. Sudah menjadi kebiasaan kepada para guru untuk memberi peluang dan memahami keadaan anak muridnya yang datang daripada keluarga yang kurang senang. Namun begitu, guru kelas saya, Cikgu Ramasamy, merangkap guru matematik saya tidak memegang prinsip tersebut.

Beliau sangat marah dan kurang menyenangi kehadiran saya yang gagal menjelaskan yuran pendaftaran tersebut. Setiap kali memasuki kelas untuk mengajar subjek matematik, mata saya akan direnung tajam oleh beliau seolah-olah disimbolikkan sebagai, "Bila kamu nak jelaskan yuran pendaftaran?" Saya sangat takut untuk memasuki kelas matematik kerana renungan tajam Cikgu Ramasamy itu.

Guru-guru subjek ini yang mengagihkan buku-buku latihan kepada pelajar turut memberikan dahulu buku kepada saya walaupun saya belum membayar yuran kerana memahami keperluan saya untuk belajar di kelas. Namun, Cikgu Ramasamy tidak membenarkan saya mengambil buku latihan matematik saya terlebih dahulu.

Dia menyimpan buku yang sepatutnya menjadi milik saya di bilik menjamin hanya akan memberikan buku tersebut sejurus saya membayar yuran pendaftaran saya. Amat sukar bagi saya untuk mempelajari matematik pada masa itu. Dengan guru yang sentiasa menyindir kegagalan saya untuk membayar yuran pendaftaran saya dan kekurangan bahan untuk dirujuk, iaitu buku latihan tersebut.

Saya akhirnya menjadi fobia untuk ke sekolah. Saya enggan meneruskan pelajaran saya dan mengambil cuti yang panjang kerana takut untuk menghadap Cikgu Ramasamy. Saya hanya meneruskan pengajian saya sejurus abah melangsangkan hutangnya, iaitu pada akhir bula Februari. Barulah saya berasa lega dan menyangka semua masalah telah selesai.

Di dalam kelas saya, terdapat anak seorang wakil rakyat, anak seorang pengurus syarikat besar bergelar Datuk, anak seorang doktor yang berjaya, anak seorang peguam yang terkenal, dan banyak lagi. Umumnya, mereka semua golongan berada. Hal ini menyebabkan Cikgu Ramasamy menganggap semua pelajarnya datang daripada keluarga yang berkemampuan tinggi.

“Pelajar sekalian, saya menggalakkan kamu semua untuk menyertai kelas tuisyen yang saya anjurkan di rumah saya,” kata Cikgu Ramasamy. Arahan yang berbaur wajib itu disambut baik oleh pelajar lain namun tidak bagi saya kerana bayaran bulanannya yang sangat tinggi, sudah tentu abah tidak mampu membayainya. Semua pelajar memasuki kelas tersebut kecuali saya.

Di kelas, saya selalu ketinggalan dalam satu pelajaran kerana cikgu telah menghabiskan silibusnya di kelas tuisyen tersebut. Cikgu hanya mengadakan ulangkaji dan latihan sahaja di kelas. Saya terpaksa bertanya sendiri kepada kawan-kawan yang lain kerana jika saya bertanya kepada guru, beliau akan menyindir saya kerana tidak mengikuti kelas tuisyen yang diadakan itu.

Seringkali cikgu mengarahkan saya untuk menyelesaikan soalan matematik di papan hitam seolah-olah mengerti yang saya masih samar-samar dalam topik ujian. Jadi, saya gagal untuk menyelesaikan soalan yang diberi. Cikgu sering memarahi saya kerana kegagalan saya menjawap soalan pada papan hitam.

“Itulah kamu, saya suruh datang ke kelas tuisyen, kamu enggan. Pandai-pandailah kamu hendak berjaya,” katanya. Saya terpaksa belajar sendiri. Mujur emak memberi sokongan moral kepada saya. Sekurang-kurangnya, saya bersyukur kerana emak banyak membantu saya. Rakan-rakan turut memberi tunjuk ajar di kelas.

Kini ujian penilaian dan peperiksaan semester tidak lagi indah bagi saya. Walaupun mendapat markah penuh bagi kertas satu, kertas aneka jawapan, belum pernah lagi saya mendapat gred A dalam ujian bagi subjek matematik. Saya tidak memahami sebab cikgu sangat tegas dalam menanda kertas saya seorang sahaja.

Semua pelajar turut menyedari ketegasan dalam menanda kertas saya berbanding kawan-kawan yang lain. Malah, ada juga kawan saya yang membuat teorinya sendiri, iaitu markah matematik bagaikan berkait rapat dengan kekayaan ibu bapa pelajar tersebut. Apabila saya bertanyakan kewarasan teorinya, ini jawapan kawan saya.

“Anak kepada Datuk Ramli yang sering menderma kepada pihak sekolah sebanyak empat angka amat mudah untuk mendapat markah 90 ke atas. Begitu juga dengan anak wakil rakyat yang banyak menyumbang kepada pihak sekolah,” walaupun kata-kata kawan saya ini kelihatan kelakar tapi nampaknya ada juga benarnya.

Saya? Anak kepada seorang buruh? Saat ini saya benar-benar kecundang. “Saya ni bodoh rupanya. Semua orang dapat A, aku seorang sahaja yang dapat gred B. Aku memang tak layak berada di kelas ini,” detik hati saya. Namun, markah sains saya berjaya mengekal saya di kelas tersebut.

Sampailah saatnya saya terpaksa meninggalkan sekolah tersebut kerana mengikut keluarga saya berpindah sewaktu saya baru sahaja tamat tahun lima. Saya memasuki kelas tahun enam di sekolah baru dengan kepercayaan bahawa, “Saya lemah subjek Matematik,” dalam hati saya. Namun, saya sangat gembira mempelajari Matematik di sekolah baru saya.

Cikgu Zaila telah mengajar saya segala-galanya di kelas. Beliau turut mengajar saya hampir semua silibus tahun empat dan tahun lima apabila menyedari saya sangat lemah dalam bab-bab tertentu. Satu pertandingan kuiz matematik diadakan dan cikgu telah memilih saya dan seorang kawan yang lain bernama Syamim untuk mewakili sekolah.

Saya sangat terkejut dengan pemilihan tersebut lantas bertemu dengan cikgu untuk menarik diri, “Kamu ada bakat, Ana, percayalah. Cikgu ini dah tua, lebih banyak makan asam garam dari kamu. Dari mata tua saya ini, saya yakin kamu boleh,” kata cikgu memujuk saya untuk meneruskan juga. Saya akur.

Tanpa disangka, saya berjaya mendapatkan tempat kedua dan terpilih untuk mewakili Zon Penggaram. Saat itu saya terfikir, “Aku tidaklah bodoh. Aku boleh rupanya”, teringat kata pada

jaminan Cikgu Ramasamy kepada emak saya satu ketika dulu. “Percayalah, Ana tidak akan berjaya untuk pergi jauh dengan pencapaiannya ini”, ayat yang sangat saya ingati sehingga kini kerana pernah menjatuhkan semangat saya.

Kini, saya telah bebas dari kepompong fikiran negatif saya sendiri. Ana adalah pelajar yang hebat. Akan saya buktikan. Begitulah monolog diri saya. Persiapan mewakili zon ke daerah dipersiapkan. Rakan-rakan turut memberi sokongan moral kepada saya. Guru-guru turut memahami keadaan saya yang berkejar-kejar dengan pertandingan dan Ujian Pernilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang sangat penting.

Pada hari pertandingan yang dinanti-nantikan, saya duduk seorang diri untuk menenangkan fikiran saya. Saya mula berasakan darah gemuruh. Saya diterpa oleh seseorang dari belakang dan amat terkejut apabila melihat Mala, rakan sekelas saya sewaktu di sekolah lama dulu.

“Ana, apa yang kamu buat di sini?” Tanya Mala kepada saya. Malu rasanya untuk saya akui bahawa saya mewakili zon untuk pertandingan kuiz Matematik kerana dia pasti tidak akan mempercayai kata-kata saya. Saya berkira-kira untuk memberitahuinya perkara yang sebenar, “er, saya, mewakili zon untuk ....”

Belum sempat saya hendak meneruskan kata-kata saya itu, datang Cikgu Ramasamy dan Mala meninggalkan saya, Cikgu Zaila terus menerpa ke arah saya, “Ana, ini semua namanya ujian dari Tuhan. Teguhkanlah hati kamu. Gandakan doa”, cikgu menepuk-nepuk lembut bahu saya.

Saya memasuki dewan pertandingan berbekalan kata-kata Cikgu Zaila yang seakan-akan akan didengari di telinga saya. Benar kata guruku. Kalau dulu saya mewakili zon kerana mendapat tempat kedua, kini saya mewakili daerah kerana menjadi johan. Mala? Tidak mendapat tempat walaupun saguhati.

Mala mengucapkan tahniah kepada saya manakala Cikgu Ramasamy pula langsung tidak kelihatan selepas keputusan pertandingan diumumkan. Saya menangis kerana terlalu gembira dan bersyukur atas kejayaan saya. Cikgu Zailalah yang berjaya meredakan tangis saya. Ibu bapa saya turut gembira dengan kejayaan saya itu.

Seminggu sebelum berangkat ke Segamat untuk mewakili daerah, satu bengkel telah dianjurkan. Saya telah menghadiri bengkel tersebut ditemani oleh Cikgu Zaila. Sehari sebelum ke Segamat pula, Guru Besar telah memanggil saya ke pejabat. Beliau telah memberi kata-kata perangsang kepada saya. Beliau juga berjanji akan menghadiri majlis ketika keputusan diumumkan nanti.

Kata-kata Guru Besar sedikit sebanyak merisaukan saya kerana beliau telah meletakkan harapan yang tinggi kepada saya. Saya pergi ke Segamat bersama Cikgu Zaila dan menghadiri pertandingan seperti biasa. Kelihatan pesaing saya yang lain amat hebat. Saya agak gentar melihat mereka namun saya tetap berusaha untuk membuat sehabis baik.

Pada saat keputusan diumumkan, saya cuma berjaya mendapat tempat yang keempat. Nasib tidak menyebeli saya kerana pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga sahaja yang mewakili Johor ke Tawau. Namun, saya tetap bersyukur dengan kejayaan yang telah saya capai. Sekurang-kurangnya, saya sudah sampai ke tahap ini.

Semasa Guru Besar menghampiri saya, saya segera memohon maaf kerana gagal ke peringkat seterusnya. “Kamu tidak perlu minta maaf, saya yang perlu berterima kasih kepada kamu kerana telah mengharumkan nama sekolah, jawapnya sambil tersenyum. Saya hanya mengangguk. Cikgu Zaila turut tersenyum.

Dalam perjalanan pulang ke Batu Pahat, saya hanya mendiamkan diri. Cikgu Zaila yang sedang memandu menyangka saya tertidur. Namun, pada hakikatnya saya sedang memikirkan tentang diri saya. Kini saya menyedari bahawa saya mempunyai nilai yang tersendiri. Saya bukanlah seorang yang lemah dalam subjek matematik malah saya berbakat dalam bidang tersebut.

Matematik telah mengubah hidup saya daripada seorang yang tiada keyakinan diri dan sentiasa berfikiran negatif kepada seorang yang lebih yakin. Bakat yang terpendam berjaya digilapkan dan sentiasa bersikap optimistik dalam setiap cabaran dan halangan yang ditempuh.

Kereta Cikgu Zaila menjadi saksi bisu kepada tekadnya saya untuk berubah kepada Ana yang baru, Ana bukanlah lagi Ana yang sentiasa kecundang dengan bisikan-bisikan anasir jahat. Ana kini Ana tegas pada pendiriannya tanpa menghiraukan kata-kata orang lain yang cuba menjatuhkan Ana.

Saya sedar, kemenangan bukan pada nama ‘johan’ sahaja. Biarpun kalah di medan pertandingan tetapi biarlah menang di medan kehidupan. Terima kasih Cikgu Ramasamy. Tanpa cercaanmu saya tidak mungkin mendapat pengajaran ini, terima kasih Cikgu Zaila yang menggilap bakat terpendam saya ini.

Sehingga kini, amat mencintai matematik dan tidak pernah melupakan Cikgu Zaila dan Cikgu Ramasamy. Terima kasih Cikgu Ramasamy. Terima kasih Cikgu Zaila. Terima kasih matematik.